

**Najib Hadir Rumah Terbuka Abdullah
Bernama
25 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menghadiri rumah terbuka sempena Aidilfitri bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Tun Jeanne Abdullah di Dewan Sri Endon, Presint 10 di sini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang diiringi isteri Puan Sri Seri Noorainee Abdul Rahman. Turut kelihatan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Ribuan pengunjung pelbagai kaum hadir menyerikan majlis yang bermula sejak 10 pagi itu untuk bersalam dan mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada Abdullah dan Jeanne.

Selain menjamu selera, masyarakat juga tidak melepaskan peluang bergambar dengan bekas pemimpin negara itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689767>